

SEJARAH, ADAT DAN WARISAN ORANG ASLI JAHUT DI PAHANG

(The History, Customs and Heritage of the Jahut Indigenous People in Pahang)

Nur Faaizah Md Adam
nur_faaizah88@yahoo.com

Jabatan Bahasa Melayu,
Akademi Pengajian Bahasa, Universti Teknologi Mara.

Mohd Sharifudin Yusop
drbsharifudin@gmail.com

Penyelidik Bahasa Peribumi

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Januari 2020

Sila rujuk: Nur Faaizah Md Adam dan Mohd Sharifudin Yusop. (2020). Sejarah, Adat dan Warisan Orang Asli Jahut di Pahang. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 83-108.

Abstrak

Makalah ini meneliti sejarah, adat dan warisan orang asli Jahut. Pendekatan etnografi digunakan dalam penelitian ini untuk menerangkan secara deskriptif budaya dan subbudaya kumpulan masyarakat orang asli Jahut di Kampung Kuala Krau, Pahang. Berdasarkan Data Profil Perkampungan Orang Asli Pahang Daerah Temerloh 2009/2010, bilangan suku kaum Jahut di kampung ini ialah 702 orang. Daripada bilangan tersebut, seramai tujuh orang asli Jahut dipilih sebagai informan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual berstruktur, pemerhatian dan rakaman. Dapatan kajian ini merakamkan kepercayaan, adat resam, perubatan dan pantang larang masyarakat orang Jahut di kawasan kajian. Sebagai kelompok minoriti, budaya dan jati diri mereka dikhuatiri semakin hilang ditelan zaman. Oleh itu, penulisan artikel ini merupakan usaha untuk mendokumentasikan keberadaan masyarakat ini.

Kata kunci: sejarah, adat, warisan, kepercayaan, orang asli Jahut

Abstract

This article is a study of the history, customs and heritage of the indigenous Jahut tribe. An ethnographic approach was used for this study to explain descriptively the culture and sub-culture of the Jahut in Kampung Kuala Krau in the state of Pahang. Based on data from the profile of indigenous villages in the Temerloh district in 2009/2010, the ethnic Jahut in this village number 702 people. From this number, seven informants were selected. The method employed for this research was structured interviews, observations and recordings. The findings of this study constitute a record of the beliefs, customs, healing practices and taboos of the Jahut community in the area under study. Being a minority, their culture and identity are under threat with the passage of time. Therefore, this article is an effort to document the existence of this community.

Keywords: history, customs, heritage, beliefs, Jahut indigenous people

MASYARAKAT ORANG ASLI DI MALAYSIA

Orang asli ialah sebahagian daripada penduduk Malaysia. Mereka mendiami negara sejak beribu tahun yang lalu. Mereka berjuang untuk meneruskan kehidupan mereka sehingga kini. Orang Asli berjaya mengharungi segala keperitan dan cabaran semenjak dari mula penghijrahan mereka ke semenanjung sehingga hari ini. Menurut Mat Jidin Ahmad (1994) sebagai manusia terawal yang menduduki Tanah Semenanjung ini, sewajarnya mereka lebih terhadapan daripada bangsa lain di Malaysia, tetapi yang terjadi ialah keadaan sebaliknya.

Menurut Mat Jidin Ahmad (1994) masyarakat orang Asli ialah penduduk awal di Semenanjung Malaysia dan telah tinggal di sini hampir 7000 tahun lamanya. Kebanyakan mereka berasal dari wilayah Khmer atau Kemboja. Penduduk awal ini menjadi pemburu dan pencari makanan yang tinggal di gua-gua batu. Mereka pandai menggunakan api dan memasak makanan. Dalam tempoh masa dua generasi, mereka hanya berpindah sejauh 200 kilometer. Bagi Melayu-Asli pula, kehadiran mereka agak terkemudian, iaitu kira-kira 5000 tahun yang lalu. Menurut kebanyakan sarjana, kumpulan masyarakat Melayu-Asli merupakan penghijrahan terakhir berbanding dengan suku bangsa orang Asli yang lain. Mereka telah sampai ke Malaysia sekitar 5000 tahun yang lalu (Carey, 1976).

Menurut Abdul Talib Bon (2003) juga mengatakan masyarakat orang Asli mendiami seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia meliputi utara Malaysia-Thailand sehingga ke Selat Johor di selatan. Kebanyakan mereka tinggal di Kelantan dan kawasan Banjaran Titiwangsa. Sebanyak 60% masyarakat orang Asli tinggal

di kawasan antara, 2,000 kaki hingga 6,000 kaki dari pinggir laut. Selebihnya mendirikan penempatan di tanah rendah berhampiran kampung Melayu, terutamanya masyarakat orang Asli di pantai barat dan pantai timur semenanjung. Masyarakat orang Asli yang membangunkan penempatan di pesisir pantai pula, kebanyakannya terdapat di kawasan pantai Selangor, Johor dan Pahang. Secara tradisi, orang Asli hidup dalam komuniti yang kecil. Selalunya dalam satu-satu kawasan atau petempatan masyarakat orang asli mereka tinggal di kampung, sama ada di kampung tradisional atau pun di petempatan baharu yang disediakan oleh kerajaan.

Kelompok Senoi

Masyarakat Senoi terdiri daripada enam suku kaum, iaitu suku kaum Semai, Temiar, Jahut, Semoq Beri dan Mahmeri. Orang Asli suku bangsa Senoi mendiami kawasan di negeri Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Suku bangsa Semai boleh didapati di daerah Batang Padang, Perak Tengah, Kinta, Kuala Kangsar, Hulu Perak, Lipis, Raub dan Cameron Highland. Kaum Temiar pula tinggal di Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta dan Gua Musang. Kawasan sekitar Raub pula menjadi kediaman bagi suku Che Wong manakala Jahut di Temerloh, Pahang. Bagi suku kaum Semoq Beri, taburan penduduk mereka meliputi kawasan Maran, Kuantan, Kemaman, Hulu Terengganu dan Besut. Suku kaum Mahmeri pula hanya boleh ditemui di daerah Kuala Langat, Klang dan Sepang. Bancian pada 2012 menunjukkan bahawa pecahan penduduk masyarakat orang Asli bagi suku bangsa Senoi adalah Temiar (31 038 orang), Semai (51,313 orang), Semoq Beri (5,313 orang), Che Wong (651 orang), Jahut (5,618 orang) dan Mahmeri (3,799 orang)

Asal Usul Orang Jahut

Pagar Ruyung adalah nama yang pasti disebut oleh orang Jahut apabila ditanya tentang asal usul mereka. Menurut Linehan (1973) dalam Alina Othman (1991) masyarakat Jahut di Lembah Krau berketurunan orang Minangkabau dari Pagar Ruyung. Mereka melarikan diri daripada pemberontakan Rawa pada tahun 1862 dan mendiami kawasan di sekitar Sungai Semantan, iaitu di bahagian selatan Lembah Krau. Mereka kemudiannya berpindah ke Lembah Krau dan menetap di situ sehinggalah ke hari ini. Hasil kajian daripada Couillard (1980) pula menyatakan kedatangan masyarakat Jahut ke Semenanjung Malaysia adalah kerana kepadatan penduduk di tempat asal mereka dan seterusnya memaksa separuh daripada mereka meninggalkan tempat tersebut. Walau bagaimanapun, masyarakat Jahut yang ada pada hari ini menganggap Lembah

Krau merupakan tempat asal mereka. Masyarakat ini melarikan diri masuk ke kawasan yang lebih dalam dan menetap di pinggir hutan disebabkan kedatangan orang-orang Melayu yang membuat penempatan di pekan Kuala Krau.

Penempatan Orang Jahut

Menurut Carey (1976), *Jah* bermaksud orang, manakala *Hut* bermaksud “hutan”. Gabungan keduanya membawa maksud kepada “orang hutan”. Menurut kaum Jah Hut itu sendiri, iaitu informan Batin Mat Kuang “Jah” bermaksud “orang” dan “Hut” bermaksud “bukan”. Walau bagaimanapun, penterjemahan harfiah ini tidak dapat menerangkan kata majmuknya disebabkan “bukan orang” ini memang bukan erti yang dimaksudkan. Bahasa Jah Hut telah pun menyerap banyak perkataan bahasa Melayu dalam perbendaharaan katanya. Loghatnya termasuk Kerdau, Krau, Ketiar Krau (Terengganu), Kuala Tembeling, Pulau Guai, Ulu Ceres (Cheras) dan Ulu Tembeling. Pada zaman dahulu kaum Jahut tinggal secara nomad dan berpindah randah. Kini mereka menetap di kampung-kampung dan membina rumah sebagai tempat berlindung daripada panas dan hujan.

Orang asli Jahut mulanya dipanggil Jah Het tetapi setelah kedatangan British sebutannya telah berubah kepada Jahut. Menurut batin Mat Kuang, iaitu batin di Kampung Pian, orang Jahut hanya terdapat di negeri Pahang. Orang Jahut tergolong dalam suku masyarakat orang asli Senoi. Menurut Collin Nicholas (2000, p. 4), kelompok Senoi merupakan kelompok orang asli yang terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrito. Sejumlah 5328 orang terdapat di Pahang, khususnya di daerah Temerloh. Sebilangan kecil terdapat di Perak dan Selangor. Bilangan keseluruhan Orang Jahut menurut Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2016-2020 ialah seramai 5618 orang. Bilangan penduduk suku kaum Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang yang diperoleh daripada Data Profil Perkampungan Orang Asli Pahang-Daerah Temerloh 2009/2010 ialah sebanyak 702 orang. Bagi orang asli nama negeri Pahang diambil daripada pokok mahang, iaitu sebatang pokok yang besar yang terletak di Kuala Pahang Tua.

Pada tahun 2000, jumlah penduduk Jah Hut ialah 2442 dan pada 2005, anggarannya ialah lebih kurang 4000 orang yang tinggal di 11 buah kampung yang terletak di sepanjang tebing barat Sungai Pahang dari Jerantut di utara ke Temerloh di Selatan. Pada tahun 2012 jumlah penduduk Jahut bertambah kepada 5,328 di negeri Pahang manakala bilangan keseluruhan suku Jahut ialah 5618.

Di daerah Temerloh ini mereka tinggal di kawasan yang dipanggil Kampung Pelong, Kampung Paya Mengkuang, Kampung Panderas, Paya Mendo, Kampung

Pasu, Kampung Pian, Kampung Paya Rekoh, Kampung Paya Mendoi dan Kampung Kuala Terboi. Di daerah Jerantut pula suku kaum ini tinggal di Sg. Kiol dan Kekwel (Kol). Couillard (1980) menyatakan kebanyakan suku kaum ini tinggal di pinggir Sg. Krau, iaitu dalam Hutan Simpan Krau. Bahasa yang dituturkan oleh orang Jah Hut dikenali sebagai “bahasa Jahut” dan merupakan sebahagian bahasa Mon-Khmer yang merupakan satu cabang keluarga bahasa Austro-Asia.

METODOLOGI

Pengkaji telah menggunakan pendekatan etnografi untuk mengkaji budaya orang Asli Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang. Menurut Sabitha Marican (2006), etnografi dianggap sebagai satu kajian yang paling asas dalam penyelidikan sosial. Kadangkala etnografi didefinisikan sebagai penjelasan bertulis tentang sesuatu budaya, adat, kepercayaan, tingkah laku yang berdasarkan maklumat yang dikumpulkan daripada kajian lapangan. Kajian ini menerangkan secara deskriptif terhadap budaya, subbudaya, institusi atau kumpulan sesebuah masyarakat

Kajian etnografi merupakan bentuk kajian kualitatif yang digunakan untuk menerangkan, menganalisis dan menginterpretasi bentuk perkongsian budaya (*culture-sharing*) sesuatu kumpulan seperti tingkah laku, kepercayaan, bahasa, ekonomi, struktur politik, interaksi, kehidupan dan gaya dalam perhubungan. Untuk memahami perkongsian budaya seseorang pengkaji perlu meluangkan masa di lapangan melakukan wawancara, memantau dan mendokumentasi maklumat bagi memahaminya. Oleh itu, etnografi ialah pengembaraan suatu budaya atau cara hidup dalam sesuatu komuniti yang menjelaskan sesuatu budaya atau mana-mana aspek budaya.

Tempoh masa yang diambil untuk mengumpulkan data ini ialah selama lima bulan. Sepanjang tempoh tersebut pengkaji telah pergi ke lokasi sebanyak lima kali untuk mengumpulkan data. Semasa menjalankan kajian, di lapangan, pengkaji bermalam beberapa hari di lokasi kajian yang berhampiran untuk mendapatkan maklumat tentang budaya dan adat orang asli Jahut. Beberapa informan yang terpilih telah ditemu bual untuk mendapatkan data budaya dan adat mereka. Tatacara ini perlu dilakukan agar segala data yang diperlukan memenuhi matlamat penyelidikan serta berada dalam kebolehpercayaan dan kesahan.

Di Malaysia hanya di daerah Temerloh yang mempunyai penempatan masyarakat Jahut dan Kuala Krau ialah lokasi utamanya. Kampung Pian terletak di Lembah Sungai Krau, bersebelahan Hutan Simpan Krau yang meliputi kawasan berbukit bukau. Lembah Krau terletak di bahagian tengah Semenanjung Malaysia. Puncak

tertingginya ialah Gunung Benom, iaitu 2108 meter dari aras laut yang terletak di bahagian Barat Laut.

Antara kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data warisan dan budaya ialah kaedah temu bual dan pemerhatian serta rakaman. Pengkaji telah menggunakan temu bual berstruktur yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Soalan yang dikemukakan kepada responden pula menggunakan cara dan susunan yang sama berdasarkan senarai soalan yang dibina. Teknik ini digunakan agar maklumat yang dikumpulkan daripada responden dapat dibezakan dengan tepat. Melalui teknik ini juga pengkaji memperoleh maklumat yang ringkas dan padat.

Pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur yang lebih terbuka dan fleksibel. Dalam temu bual ini pengkaji boleh mengubah suai susunan soalan. Responden pula diberikan kelonggaran untuk memberikan jawapan bagi mendapatkan maklumat lain yang berkaitan. Scensul (1999) menyatakan temu bual semi berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor objektif kajian. Selain itu, pengkaji juga menggunakan temu bual tidak berstruktur menggunakan soalan terbuka dan tidak tetap. Responden bebas memberikan maklum balas dan tidak terikat dengan jawapan alternatif. Oleh itu, pengkaji berpeluang mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan lebih mudah. Scensul (1999) mengatakan temu bual tidak berstruktur atau temu bual penerokaan memerlukan minda yang peka, pemikiran logik serta kemahiran komunikasi yang baik. Teknik ini digunakan supaya pengkaji dapat meneroka dengan lebih mendalam dan terperinci sesuatu fenomena yang hendak dikaji seterusnya meningkatkan pengetahuan pengkaji tentang kajian yang dijalankan.

Kaedah pemerhatian yang digunakan oleh pengkaji pula ialah pemerhatian turut serta dan tidak turut serta. Melalui kaedah ini pengkaji dapat memerhati tingkah laku

Jadual 1 Informan yang terlibat dalam kajian ini.

Bil.	Nama Informan Jahut	Umur
1	Dung Bin Regak	87
2	Mohammad Bin Kuang	64
3	Mat Bin Oti	60
4	Minah Binti Lip	60
5	Harisham A/L Tet	40
6	Santi Binti Harun	37
7	Sunarti A/P Harun	25

dan suasana kampung mereka. Dengan cara ini pengkaji bukan sahaja mendapat maklumat tentang orang asli Jahut malah dapat melihat sendiri aktiviti mereka seharian seperti aktiviti pertanian, alat yang digunakan untuk melakukan pertanian dan tumbuh-tumbuhan yang ada di kampung mereka.

Informan yang dipilih pula, mempunyai latar belakang bahasa Jahut yang fasih sama ada dari aspek pertuturan dan budaya dan adat resam Jahut. Pengkaji telah memilih tujuh orang informan untuk menjawab objektif kajian ini, iaitu untuk menghuraikan warisan dan budaya orang asli Jahut. Pendokumentasian bertulis tentang warisan orang Asli ini dilakukan untuk mengekalkan budaya dan pengetahuan tinggalan nenek moyang supaya maklumatnya berkekalan dan tidak hilang ditelan zaman. Kajian ini juga untuk memelihara kesinambungan identiti orang asli untuk pengetahuan waris generasi pada masa hadapan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN WARISAN ORANG ASLI JAHUT

Menurut Yatim, O. (2005), warisan umumnya dikatakan sebagai sesuatu yang diwarisi daripada generasi yang terdahulu. Warisan merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan (Jabatan Warisan Negara, 2008). Warisan kita ialah ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup, kepercayaan yang seterusnya dijemakan melalui objek budaya. Warisan menggambarkan memori keseluruhan hidup sesebuah masyarakat serta melambangkan ketamadunan masyarakat itu. Komuniti orang asli merupakan masyarakat minoriti peribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Majoriti daripada mereka tinggal di kawasan hutan dan masih mengamalkan cara hidup tradisional yang banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan lama tinggalan nenek moyang mereka (Rosley, N. A., 2009). Oleh hal yang demikian, masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian daripada kehidupan kita sebagai manusia yang memiliki hak untuk meneruskan kehidupan adat resam, pantang larang, budaya dan sebagainya. Kehidupan masyarakat ini perlu dikekalkan tradisinya supaya menjadi khazanah warisan yang mengekalkan identiti dan jati dirinya (Alias, A., 2012). Antara aspek warisan orang Asli Jahut yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah kepercayaan dan adat resam, adat melindungi rumah, adat semasa proses perkahwinan sehingga kematian, adat bersunat, adat dengan keluarga, adat dengan jiran, adat melayan tetamu, pantang larang, peralatan tradisional, perubatan dan masakan dan makanan tradisi.

ADAT ORANG ASLI JAHUT

Adat dalam Kehidupan Orang Asli Kelahiran sehingga Kematian

Upacara perkahwinan mengikut hukum adat yang diwarisi dari nenek moyang mereka adalah untuk menjaga keharmonian masyarakat agar terpelihara. Bagi pasangan yang akan berkahwin mestilah tidak mempunyai perhubungan adik beradik, sepupu, dua pupu, anak saudara, emak saudara anak tiri, bapa tiri, menantu, tunang orang dan isteri orang.

Kelahiran

Kelahiran bayi diuruskan oleh bidan. Jika tiada bidan, suami dikehendaki menyambut kelahiran anaknya atau sesiapa sahaja yang berani melakukan proses kelahiran itu. Setelah bayi lahir tali pusatnya dipotong dengan menggunakan sembilu buluh yang telah dijampi. Bayi dimandikan dan selepas itu diselimutkan. Uri dan tembuni dibersihkan oleh suami dan ditanam di tempat yang jauh dari laluan orang seperti di dalam hutan. Semasa membawa tembuni, suami tidak boleh menoleh ke kiri atau ke kanan kerana dikhuatiri mata bayi menjadi juling.

Selepas beberapa hari, kenduri kesyukuran akan diadakan untuk menyambut kelahiran bayi. Kenduri ini dinamakan kenduri bercukur atau kenduri “melepas tali lepas” mengikut orang asli Jahut. Semasa kenduri diadakan bayi lelaki atau perempuan akan dicukur rambut berserta jampi dan para tetamu akan dihidangkan dengan makanan dan minuman mengikut kemampuan ibu bapa.


Adat Bersunat

Orang Jahut juga melakukan majlis bersunat untuk kanak-kanak yang berumur di antara 12 hingga 13 tahun. Adat bersunat ini wajib dilakukan kepada kanak-kanak lelaki yang sudah cukup umur. Masyarakat Jahut di kampung Pian masih menggunakan cara tradisional semasa proses bersunat. Orang penting yang terlibat dalam majlis ini ialah tok mudim, penghulu balai, tukang gelanggang, batin, pengarah dan pengiring budak. Setiap orang mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing agar majlis dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Tok mudim berperanan sebagai tukang sunat, penghulu balai menjaga kawasan, tukang gelanggang ialah orang yang akan bersilat setelah ketibaan kanak-kanak lelaki yang bersunat. Batin-batin dari kampung Pian atau dari kampung-kampung lain akan

datang untuk memeriahkan majlis tersebut. Pengarah pula bertanggungjawab untuk memberikan arahan seperti arahan menyediakan makanan, memasak, menghidangkan makanan dan lain-lain lagi. Pengiring budak diberikan tugas membawa kanak-kanak itu ke tempat bersunat dengan memegang tepak sirih. Pengiring budak perlu sentiasa berada di sisi kanak-kanak tersebut. Jika kanak-kanak tersebut berniat ingin pergi ke mana-mana seperti kubur ibu bapa, pengiring harus membawanya terlebih dahulu. Kesimpulannya, pengiring budak ini berperanan sebagai penunjuk jalan.

Sebelum bersunat kanak-kanak tersebut akan berendam di sungai pada waktu pagi sehingga tengah hari. Makan dan minum akan dihantar ke sungai oleh pengiring budak. Selepas itu pengiring budak akan membawa kanak-kanak tersebut ke balai adat untuk melihat persembahan silat yang dilakukan oleh tukang gelanggang. Selesai persembahan silat barulah kanak-kanak tersebut dihantar kepada tok mudim untuk bersunat. Kebiasaannya majlis bersunat ini dilakukan secara beramai-ramai dan ibu bapa berkongsi perbelanjaan majlis bersama-sama. Majlis ini juga dilakukan secara gotong-royong. Oleh sebab itu, majlis bersunat ini boleh dilakukan secara besar-besaran dan dilakukan sekurang-kurangnya selama dua hari satu malam. Sebelum



Rajah 1 Peringkat-peringkat dalam majlis sunat.

bersunat kanak-kanak berkenaan tidak boleh keluar rumah selama tiga hari dan tidak boleh langkah dan pijak tahi ayam.

Jika ingin mengadakan majlis bersunat, gong akan dibunyikan terlebih dahulu agar semua penduduk kampung tahu dan dapat menghadiri majlis tersebut. Terdapat beberapa peralatan yang digunakan semasa bersunat. Antaranya termasuklah pisau, tempurung dan sejenis daun khas untuk bersunat. Kanak-kanak yang bersunat pula perlu duduk di atas pokok padi. Selesai sahaja acara bersunat semua barang-barang yang digunakan itu akan dibuang ke dalam sungai.

Menurut Dung bin Regak, ada cerita dan sejarah yang menyebabkan orang Jahut melakukan adat bersunat sehingga kini. Pada generasi yang lepas terdapat seorang lelaki yang berhijrah ke kampung Jahut. Penghijrahan lelaki itu disebabkan rasa malu dipanggil “kulup” oleh orang kampungnya kerana tidak boleh bersunat. Lelaki tersebut telah menuntut ilmu daripada isteri batin Jahut. Isteri batin itu digelar “batin perempuan” kerana semua penduduk di situ akan merujuk dan mengadu hal kepadanya kerana dia seorang yang cerdik dan berilmu.

Setelah beberapa tahun menuntut ilmu, lelaki itu berkahwin dengan anak batin berkenaan. Hasil perkahwinannya, dia dianugerahkan seorang anak lelaki. Lelaki berkenaan meminta izin bapa mentuanya untuk mengadakan majlis bersunat kerana dalam kaumnya anak lelaki diwajibkan bersunat. Pada permulaan bapa mentuanya



Rajah 2 Kanak-kanak orang Jahut melihat alatan tradisional pertanian.

tidak bersetuju dengan permintaan menantunya kerana risau cucunya akan mati. Setelah dipujuk barulah bapa mentuanya bersetuju untuk mengadakan majlis bersunat. Selepas daripada peristiwa itu masyarakat Jahut melakukan adat bersunat kepada kanak-kanak lelaki.

Perkenalan

Perkenalan antara teruna dan dara terjadi apabila mereka saling suka-menyukai antara satu sama lain. Mereka akan mencari pasangan hidup masing-masing untuk dijadikan isteri atau suami. Ibu bapa meletakkan kepercayaan kepada anak-anak untuk mencari pasangan mereka sendiri. Setelah itu barulah upacara merisik dilakukan untuk berjumpa dengan ibu bapa pihak perempuan.

Merisik

Pihak lelaki akan menghantar wakil untuk merisik pihak perempuan. Pada waktu ini wakil pihak lelaki akan bertanya kepada pihak perempuan tentang niat dan tujuan mereka datang ke rumah. Secara tradisi upacara merisik ini dilakukan dengan berpantun tetapi sekarang tidak dilakukan lagi kerana golongan tua lebih selesa menggunakan bahasa biasa.

Bertunang

Urusan bertunang diserahkan kepada wali. Mengikut orang Jahut wali bagi pihak lelaki ialah bapa saudara lelaki. Bapa saudara lelaki dan rombongan keluarga pihak lelaki akan pergi ke rumah keluarga perempuan untuk bertanya dan berunding dengan wali pihak perempuan, iaitu bapa saudara perempuan. Jika pihak perempuan bersetuju, pertunangan akan diadakan di rumah pihak perempuan. Dalam majlis meminang ini juga tarikh pernikahan akan ditentukan. Tempoh masa pertunangan mengikut kata sepakat kedua-dua pihak dan pihak lelaki perlu memberikan wang belanja kepada bakal isterinya mengikut kemampuan.

Bagi bakal pengantin lelaki yang berkemampuan mereka akan memberikan cincin emas kepada bakal pengantin perempuan. Cincin emas ini juga tanda mereka akan membuat kenduri secara besar-besaran, iaitu sekurang-kurangnya menumbangkan seekor lembu atau kerbau. Bakal pengantin lelaki yang memberikan cincin perak pula menunjukkan lelaki itu kurang berkemampuan dan ingin melakukan kenduri secara sederhana sahaja. Jika wali kedua-dua pihak tiada maka mereka perlu membeli wali. Cara membeli wali ialah dengan memberikan sebiji pinggan berserta wang sebanyak

dua ringgit kepada seseorang yang dipilih sebagai wali untuk pertunangan bakal pengantin lelaki atau perempuan.

Dalam upacara pertunangan juga pihak lelaki akan memberikan hantaran kepada pihak perempuan. Hantaran yang diberikan mengikut permintaan bakal pengantin perempuan dan kemampuan pihak lelaki. Orang Jahut pada masa dahulu mengendong hantaran tersebut untuk dibawa ke rumah pihak perempuan.

Pernikahan

Majlis pernikahan berlangsung pada waktu malam di rumah pengantin perempuan. Dalam majlis ini hanya keluarga kedua-dua belah pihak yang dijemput hadir namun begitu jiran tetangga juga boleh turut serta. Pengantin perempuan akan memakai baju kurung atau baju kedah manakala pengantin lelaki akan memakai baju Melayu.

Jamuan makan merupakan perkara yang perlu ada dalam majlis pernikahan. Antara menu jamuan yang dihidangkan ialah nasi minyak, nasi putih, lauk ayam, ikan dan pelbagai lagi. Menu yang disediakan juga mengikut kemampuan pihak lelaki. Kebiasaannya jamuan makan ini dilakukan secara gotong-royong dengan saudara mara dan jiran untuk mengeratkan hubungan silaturahmi antara satu sama lain. Makan beradab merupakan satu perkara yang amat dinanti-nantikan, pengantin lelaki akan diiringi oleh pengapit dan pengantin lelaki akan berhadapan dengan pengantin perempuan. Pengantin lelaki akan menyuap pengantin perempuan. Perkara yang sama akan dilakukan oleh pengantin perempuan. Selesai berbalas suapan mereka telah sah menjadi suami isteri.

Setelah upacara itu pengantin lelaki akan menjamu pihak pengantin perempuan, manakala pengantin perempuan akan menjamu pihak pengantin lelaki dengan sirih pinang. Pada masa yang sama kedua-dua belah pihak pengantin akan memberikan nasihat kepada pengantin. Batin juga turut memberikan nasihat kepada pengantin baru.

Kebiasaannya majlis pengantin di rumah lelaki pula dilakukan pada hari keesokannya. Kenduri menyambut menantu ini dipanggil *mengadu hal* oleh masyarakat Jahut kerana pengantin lelaki membawa dan mengadu hal tentang pengantin perempuan kepada keluarganya. Majlis perkahwinan hanya dilakukan selama satu hari satu malam sahaja.

Pada masa sekarang, tetamu yang hadir ke majlis perkahwinan orang Jahut akan diberikan bunga telur. Majlis bersanding juga turut dilakukan untuk melakukan acara bergambar bersama keluarga, saudara mara dan kawan-kawan untuk dijadikan kenangan. Pengantin juga diberikan hadiah semasa menjadi raja sehari.

Mengikut adat kaum Jahut, suami perlu tinggal di kampung isteri. Menurut Batin Mohammad Kuang, suami yang membawa isteri menetap ke kampung mereka ialah seperti *tarik aur menyusung*. Suami yang membawa isteri tinggal di kampung mereka akan bertanggungjawab sekiranya isteri membuat sebarang kesalahan. Kini adat ini sudah dilonggarkan kerana isteri terpaksa berpindah mengikut suami bekerja.

Kematian

Apabila berlaku kematian si mati tidak dikebumikan serta merta, sebaliknya ditangguhkan semalaman supaya saudara mara dan sahabat handai yang tinggal berjauhan sempat menziarahi si mati. Pada malam kematian saudara mara akan berkumpul dan berjaga di rumah si mati.

Keluarga si mati akan meletakkan si mati di tempat yang bersih dan elok. Tangan dan kaki si mati akan diluruskan dan ditutup dengan kain. Keesokan pagi barulah proses pengebumian dilakukan. Si mati dimandikan terlebih dahulu sebelum dikapankan dengan kain putih. Kini, proses memandikan si mati dilakukan di tanah perkuburan kerana terdapat kemudahan air yang disediakan. Ketebalan dan lapisan kain kapan yang digunakan mengikut kemampuan keluarga si mati. Masyarakat Jahut mengukur panjang si mati dengan menggunakan sebatang rotan.

Menurut Batin Mohamad Kuang si mati dikebumikan di tanah perkuburan zaman-berzaman di seberang sungai kampung Pian. Kedalaman kubur kira-kira tiga kaki. Setelah dikapankan si mati akan diangkat di sekeliling kubur sebanyak tiga kali. Sebelum ditanam, kain kapan di bahagian muka dibuka dan diberi hidu segumpal tanah. Si mati ditanam dalam kedudukan terlentang. Mayat lelaki ditanam menghadap matahari terbenam, iaitu menunjukkan arah hulu yang disebut *pancor* dalam bahasa Jahut. Mayat perempuan pula ditanam mengadap matahari terbit, iaitu menunjukkan arah hilir yang disebut *kulam* dalam bahasa Jahut. Barang-barang si mati yang tidak digunakan lagi akan diletakkan di atas kubur. Sebahagian disimpan untuk dijadikan kenangan oleh keluarga si mati.

Selepas proses pengebumian dilakukan, pihak si mati perlu membuat majlis kenduri di rumah untuk si mati. Terdapat perbezaan tempoh kenduri bagi si mati perempuan dan lelaki. Bagi si mati perempuan, pihak si mati harus mengadakan kenduri selama 7 hari 7 malam. Bagi si mati lelaki pula, pihak si mati harus mengadakan kenduri selama 6 hari 6 malam. Kenduri ini akan dihadiri oleh saudara mara dan jiran terdekat. Sepanjang kenduri ini diadakan si mati akan dijamu dengan makanan yang dimasak semasa kenduri. Makanan ini akan dihantar ke kubur dan diletakkan di atas kubur

setiap pagi dan petang. Setelah tamat tempoh kenduri si mati tidak lagi diberikan makanan kecuali keluarganya bermimpi si mati meminta makanan.

Usai kenduri, pihak si mati perlu meletakkan wang upah dalam sebiji pinggan kecil untuk diberikan kepada orang yang menolong ketika proses pengebumian dilakukan seperti tukang gali kubur, tukang angkat mayat, tukang mandi dan tukang masak. Pasangan yang bercerai mati dibenarkan berkahwin lain jika telah jatuh talak yang dilakukan oleh pihak si mati. Jika isteri mati pihak isteri perlu memberikan sebiji pinggan dan wang sejumlah lima ringgit kepada suami si mati. Jika suami mati pula, pihak suami perlu memberikan pinggan dan wang itu kepada isteri. Dalam masyarakat Jahut pihak si mati perlu mengeluarkan wang kerana si mati yang meninggalkan pasangannya. Selesai proses ini maka jatuhlah talak kepada suami atau isteri yang masih hidup. Setelah itu, pasangan yang ditinggalkan bebas dan boleh berkahwin semula dengan orang lain setelah berbincang dengan wali si mati.

Bagi suami isteri yang ingin bercerai hidup mereka harus merujuk dan berbincang dengan wali masing-masing. Wali akan menentukan denda bagi pihak yang bercerai mengikut kesalahan yang dilakukan. Jika seorang wali memberikan denda seperti *bilang lantai* dan *bilang atap* bermakna denda itu berat dan tidak boleh dibayar dengan nyawa.

Adat Melindungi Rumah

Menurut Dung bin Regak cara untuk melindungi rumah daripada gangguan jin dan syaitan dalam masyarakat Jahut. Cara pertama ialah dengan menggantung sebiji buah yang bernama buah *pak* berserta kayu di hadapan pintu rumah. Sebelum digantung buah dan kayu itu dijampi terlebih dahulu. Buah *pak* akan terbuka sendiri jika terlihat jin atau syaitan. Cara yang kedua ialah menumbuk sejenis daun sehingga lumat dan dicampurkan dengan air. Setelah itu renjis ramuan tersebut dengan menggunakan daun langsuir di sekeliling rumah.

Adat dengan Keluarga

Seperti dalam masyarakat lain juga, setiap anggota dalam kaum Jahut perlu menghormati dan mengamalkan adat atau peraturan hidup yang telah menjadi amalan kaum mereka turun-temurun. Anak-anak mestilah menghormati ibu bapa dan orang yang lebih tua dalam keluarga. Anak-anak tidak boleh membantah suruhan orang tua. Adik beradik juga perlu menghormati antara satu sama lain. Perkara ini dilakukan untuk mewujudkan keluarga yang bahagia dan harmoni.

Satu amalan kaum Jahut yang agak unik adalah dari segi perhubungan ibu dan bapa mertua dengan menantu mereka. Ibu mertua dengan menantu lelaki dan bapa mertua dengan menantu perempuan tidak boleh berinteraksi secara terus. Mereka berinteraksi melalui perantaraan orang ketiga. Contohnya mesej bapa mertua kepada menantu perempuan disampaikan menerusi isteri atau anaknya, begitulah juga sebaliknya.

Adat dengan Jiran

Masyarakat Jahut menggariskan beberapa peraturan bagi menjaga kerukunan di dalam kampung, iaitu tidak boleh memasuki rumah jiran tanpa izin, menziarahi jiran yang sakit, mengamalkan sikap memberi dan menerima apabila memperoleh rezeki, apabila berlaku kematian, berita hendaklah dihebohkan kepada semua penduduk kampung, menziarahi rumah yang ada kematian dan menghulurkan khidmat tenaga dan sumbangan untuk meringankan kesusahan keluarga si mati, membantu ketika berada di majlis kenduri dan sentiasa bertegur sapa apabila berjumpa.

Adat Melayan Tetamu

Bagi masyarakat Jahut, tetamu harus dilayan dengan baik. Perkara ini telah di ajar oleh nenek moyang mereka sejak dahulu lagi. Apabila tetamu datang mereka akan mengajak masuk ke dalam rumah dengan senyuman. Setelah itu mereka akan duduk bersila atau bersimpuh dan menghidangkan tetamu dengan tembakau gulung dan sirih pinang. Setelah makanan itu dihidangkan barulah mereka bersembang atau menyatakan tujuan kedatangan. Kini amalan menghidangkan sirih pinang dan tembakau gulung telah digantikan dengan menghidangkan air teh dan kopi.

Semangat Padi

Orang asli Jahut percaya bahawa padi mempunyai semangat. Oleh itu mereka sangat menjaga adab ketika menanam dan menuai padi supaya semangat padi tidak tersinggung. Mereka akan memanggil bomoh atau puyang semasa ingin menanam dan menuai padi. Puyang akan menjampi tanaman supaya tanaman akan subur. Perbuatan yang boleh menyinggung semangat padi ialah bersiul dan memakan nasi di sisi padi.

Semasa hari pertama menanam padi huma dan padi bukit, bomoh akan dipanggil untuk melakukan upacara menjampi tanaman supaya subur dengan baik. Puyang menjadi orang pertama memulakan aktiviti menanam padi di dalam petak sawah.



Rajah 3 Bangsal di tengah sawah padi untuk menyimpan alatan untuk pertanian.

Semasa tuaian pertama dilakukan puyang akan datang ke setiap sawah padi untuk upacara menjampi. Bahan yang perlu ada dalam upacara ini ialah beberapa tangkai padi yang telah ditanggalkan. Kemudian goreng dan tumbuk dan dibuat emping untuk dijampi oleh puyang.

PANTANG LARANG KAUM JAHUT

Semasa hamil

Menurut Minah binti Lip, perempuan yang hamil dilarang membuat kerja seperti mengikat, memaku dan menyembelih binatang, mengangkat benda berat, membakar plastik dan menyusun kayu. Suami pula tidak boleh membunuh binatang, memaku, mengikat tali dan pergi memburu. Jika perbuatan tersebut dilakukan dikhuatiri anak dalam kandungan akan menjadi kenan atau ibu akan mengalami kesukaran untuk

bersalin. Semasa hamil bakal ibu bebas makan apa-apa sahaja yang disukai kecuali pisang kembar. Terdapat cara untuk mengetahui jantina bayi yang dikandungkan. Jika perut bakal ibu panjang ke hadapan berkemungkinan bayi itu lelaki. Jika perut bakal ibu lebar berkemungkinan bayi dalam kandungannya adalah bayi perempuan.

Selepas Bersalin

Tempoh berpantang bagi ibu yang bersalin ialah selama 40 hari atau sehingga darah tidak keluar. Semasa berpantang ibu dilarang memakan makanan berminyak, berlemak, pedas, berbau keras, hanyir, berbisa dan masam kerana dikhuatiri anak akan menjadi bantut dan memudaratkan kesihatan ibu yang baru bersalin. Antara contoh makanan yang perlu dielakkan semasa proses berpantang ialah nenas, pisang uri, durian, sayur yang jenis menjalar dan bergetah seperti pucuk keledak dan pucuk labu. Daging babi dan ikan yang bersengat seperti ikan keli dan ikan baung juga tidak boleh dimakan.

Untuk menyembuhkan kesihatan ibu yang baru melahirkan anak mereka harus melalui beberapa proses. Antara proses yang perlu dilakukan ialah berurut, bertungku, memakai bengkung dan memakan ubat herba seperti kacip fatimah.

Semasa di dalam Hutan

Ketika berada di dalam hutan untuk memburu atau mencari hasil hutan seseorang tidak boleh menegur bunyi-bunyi aneh seperti bunyi burung atau bunyi pokok tumbang. Jika mereka menegur bunyi berkemungkinan mereka akan menghadapi bahaya dan bala.

Semasa Berlaku Kematian

Apabila berlaku kematian penduduk kampung dilarang melakukan beberapa perkara, iaitu pergi ke hutan, berpakaian cantik, bekerja pada hari kematian dan bersuka ria.

Semasa Menuai

Padi dipercayai mempunyai semangat. Oleh sebab itu kaum Jahut mempunyai larangan tertentu yang mesti dipatuhi semasa menuai padi selama tiga hari, iaitu mengeluarkan barang-barang dari rumah, membawa masuk ke rumah alat-alat seperti parang, songkok dan selepang serta bercakap dengan orang yang lalu di ladang.

Kepercayaan Berbentuk Larangan

Terdapat juga kepercayaan berbentuk larangan. Sekiranya larangan tersebut tidak dipatuhi akan membawa keburukan. Antara perkara yang ditegah termasuklah memijak batang padi ketika menuai, memberi hasil tuaian kepada orang lain selain isi rumah dalam masa tiga hari, menjala ikan pada waktu senja, bermain pada waktu senja (bagi kanak-kanak), menegur atau menyapa orang yang hendak memasang jerat atau mengail, bersiul pada waktu malam, memijak batang padi ketika menuai, masuk ke hutan bagi pasangan yang baru berkahwin (dalam tempoh tujuh hari) dan memuji kecantikan anak kecil.

Kepercayaan lain yang berkait dengan fahaman animisme ialah tempat baharu serta benda yang dianggap pelik seperti batu hampar, gua dan pokok mempunyai penunggu. Setiap penyakit pula disebabkan oleh gangguan hantu dan syaitan.

Menurut Batin Mohamad Kuang walaupun menganut animisme sebagai pegangan, beliau sentiasa mengingati pesanan orang tua-tua dahulu supaya tidak melakukan kejahatan dan perkara yang tidak baik. Perkara ini menjadi pegangan beliau sehingga sekarang dan mempercayai Tuhan ada di mana-mana sahaja. Beliau percaya sesiapa yang melakukan kesalahan akan dihukum dan menerima balasan. Hal ini menunjukkan orang Jahut juga mengambil pesanan dan nasihat orang yang lebih tua sebagai suatu pegangan dan kepercayaan. Batin Mohammad Kuang juga menghormati agama-agama lain yang dianuti oleh anak-anak buahnya di kampung Pian.

PERALATAN TRADISIONAL

Untuk memburu orang Jahut menggunakan peralatan seperti lembing, tombak, parang, jerat dan sumpit. Peralatan tradisional yang lain pula ialah *gadang*, *cerok*, *tanggok*, *ambong* dan *ibong*. Orang Jahut membuat sendiri peralatan ini ketika masa lapang. Setiap peralatan ini mempunyai fungsi yang tertentu.

Semasa memasak isteri akan menggunakan dapur kayu. Walau bagaimanapun, kini penggunaan dapur kayu telah beralih kepada dapur gas. Hanya segelintir sahaja yang masih menggunakan dapur kayu. Dapur kayu diperbuat daripada tanah dan menggunakan kayu untuk menghidupkan api. Mereka juga dilihat masih menggunakan pengukur kelapa tradisional yang diperbuat daripada kayu.

Peralatan muzik yang digunakan sejak turun-temurun ialah centong (buluh), gendang, gong dan alat muzik seperti biola yang diperbuat daripada buluh. Rumah tradisi kaum Jahut diperbuat daripada kulit kepong, buluh dan bertam. Dinding

Jadual 2 Peralatan tradisional kaum Jahut.

Nama Peralatan	Fungsi Peralatan
<i>Tanggok</i>	Alat menangkap ikan
<i>Gadang</i>	Alat meletak padi
<i>Cerok</i>	Alat mengasingkan padi dan menampi padi
<i>Ibong</i>	Alat meletak padi
<i>Ambong</i>	Alat meletak kayu, pisang dan ubi

diperbuat daripada kulit pokok kepong, lantai diperbuat daripada buluh. Atap pula diperbuat daripada bertam atau cucuh. Kebanyakan rumah di kampung Pian sudah berubah kepada rumah batu dan beratap zink. Balai adat pula merupakan tempat kaum Jahut melakukan aktiviti dan acara secara beramai-ramai. Contohnya, kenduri-kendara, mesyuarat, sewang dan lain-lain lagi.

**Rajah 4** Kegiatan mengail ikan di anak sungai.

Orang Jahut juga melakukan aktiviti kraf tangan seperti mengukir patung. Setiap patung mempunyai lambang tertentu. Sejarah patung ini bermula daripada cerita jampi yang dilakukan oleh bomoh. Semasa berjampi bomoh menyebut tentang pelbagai jenis hantu seperti hantu rimba, hantu laut dan sebagainya. Jadi orang Jahut membayangkan hantu-hantu itu dan mengukirnya dalam bentuk patung dengan menggunakan kayu.

PERUBATAN

Jampi

Sebelum perkhidmatan perubatan moden diperkenalkan, bomoh atau puyang memainkan peranan penting dalam perubatan tradisi dengan menggunakan daun dan akar kayu. Puyang akan menjampi pesakit berkenaan di samping menetapkan beberapa pantang agar penyakit akan pulih segera. Jampi ialah ayat-ayat yang dibaca bagi sesuatu tujuan. Jampi ini selalunya digunakan untuk pelbagai jenis penyakit atau tujuan lain. Walaupun orang Jahut tidak beragama Islam tetapi dalam membaca jampi bomoh menggunakan ayat permulaan seperti *bismillah* dan berakhir dengan ayat *berkat kata aku kata Allah Laillah*. Orang asli Jahut percaya setiap penyakit ada penunggu dan hantunya, dan boleh dihalau dengan jampi serapah. Perkhidmatan jampi dikenakan pengeras yang ditetapkan oleh puyang mengikut kemampuan yang dipersetujui. Antara pengerasnya yang dikenakan ialah berbentuk wang.

Penggunaan tongkat ali diamalkan untuk membuang angin dan menguatkan tenaga batin. Penggunaan akar kayu kacip fatimah pula diamalkan untuk mengecutkan rahim perempuan yang baru bersalin.

Sewang

Sewang ialah upacara perubatan yang dilakukan dalam masyarakat Jahut di kampung Pian. Pada masa dahulu sewang dipanggil *miksoi* yang bermaksud berubat orang sakit yang menggunakan jampi dan bacaan tertentu. Menurut Dung bin Regak, iaitu bomoh masyarakat orang Jahut sewang terdiri daripada dua jenis, iaitu sewang terang dan sewang gelap. Kedua-dua sewang ini digunakan untuk perubatan dan mencari semangat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan antara kedua-dua sewang.



Rajah 4 Puyang Dung bin Rengak menunjukkan perhiasan sewang.

Sewang Terang

Sewang ini bertujuan untuk mengubati sakit-sakit biasa seperti demam, sakit badan dan lain-lain lagi. Upacara ini diketuai oleh seorang bomoh dan terdapat beberapa pengikut yang menari dan menghentak buluh. Setiap gerak tarian mempunyai maksud yang tertentu. Sewang terang boleh dilakukan pada waktu siang dan malam dengan memasang lampu atau pelita.

Sewang Gelap

Sewang gelap hanya dilakukan pada waktu malam tanpa sebarang cahaya. Bomoh mengetuai upacara sewang dan pengikut-pengikutnya hanya duduk tanpa melakukan apa-apa gerakan dan tarian. Sewang ini hanya dilakukan untuk mengubati sakit teruk.

Upacara sewang hanya boleh dilakukan apabila ada orang sakit dan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Hal ini disebabkan dalam upacara sewang bomoh akan berinteraksi dengan jin untuk mengubati pesakit supaya sembuh. Bomoh

sebagai jurubahasa atau dalam bahasa Jahut disebut *pengening*. Semasa berubat bomoh akan menjadi sebahagian daripada jin dan sebahagian manusia. Jin akan duduk di belakang bomoh.

Terdapat banyak lagu sewang dalam masyarakat Jahut antaranya termasuklah Lompat Noh, Hulubalang, Amboi-Amboi, Barau, Bertam, Palas dan lain-lain lagi. Menurut bomoh Dung lirik lagu sewang ini menggunakan campuran bahasa Jahut, bahasa Melayu dan bahasa Tuman. Pada masa kini upacara sewang jarang dilakukan kerana masyarakat Jahut telah menggunakan perkhidmatan moden di hospital dan klinik. Bomoh di kampung Jahut juga hanya tinggal dua orang sahaja.

Perhiasan dan Pakaian Sewang

Bomoh dan pengikut-pengikutnya bebas memakai apa-apa sahaja pakaian semasa melakukan upacara sewang. Mereka hanya perlu memakai barang perhiasan seperti *cincong*, *bahol*, dan *saman*. *Cincong* diperbuat daripada kulit kayu dan berbau wangi. *Bahol* pula diperbuat daripada daun lebak dan *saman* diperbuat daripada daun palas yang berbentuk seperti sisik naga. Batang buluh juga digunakan dalam upacara ini.

Puyang Dung Bin Regak merupakan penduduk yang tertua di Kampung Pian. Beliau juga digelar tok janggut dan tok muda dalam kalangan penduduk kampung Pian. Gelaran ini diberikan disebabkan semasa muda lagi beliau telah menjadi bomoh di kampung Pian. Beliau juga menjadi rujukan penduduk kampung Pian terutamanya dalam hal adat resam dan budaya kaum Jahut. Ilmu dan pengetahuan beliau sangat penting kepada generasi muda agar mereka tidak melupakan identiti dan tradisi turun-temurun kaum Jahut. Puyang Dung mempunyai lima orang anak dan tiga orang cucu. Selain menjadi puyang, beliau juga bekerja sendiri seperti penduduk kampung yang lain.

Puyang atau Bomoh

Masyarakat Jahut mempercayai puyang atau bomoh bukan sahaja berperanan untuk mengubati penyakit. Kelebihan dan ilmu yang luar biasa pada dirinya menyebabkan dia dihormati dan disegani oleh kaumnya. Puyang kebiasaannya orang yang sudah tua. Antara kelebihan puyang ialah dapat membantu mencari orang yang hilang dan sesat di dalam hutan. Puyang juga boleh mengelakkan hujan daripada turun mengikut tempoh yang dikehendakinya. Apabila seseorang dipatuk ular, puyang boleh memanggil ular tersebut supaya menghisap bisanya semula. Puyang juga mempunyai kelebihan bermain dan menjinakkan ular.

Selain itu, puyang memainkan peranan penting menentukan sama ada sesuatu kawasan itu sesuai atau tidak untuk dijadikan perkampungan. Kriteria utama pemilihan kampung ialah kawasan yang berhampiran dengan sungai atau pancur air. Sebelum membina rumah, puyang akan menentukan sama ada tapak rumah itu baik atau tidak. Kaum Jahut percaya jika tapak rumah tidak baik penghuninya akan mudah ditimpa penyakit. Pembahagian tapak rumah atau kawasan ditentukan oleh ketua keluarga dan batin.

Di Kampung Pian, puyang Dung mempunyai keris dan lembing turun-temurun. Kedua-dua senjata ini berumur kira-kira 600 tahun, iaitu sejak enam generasi lalu. Menurut Puyang Dung nenek moyangnya pernah menggunakan lembing tersebut untuk membunuh gajah. Kini, senjata tersebut hanya digunakan untuk menjaga rumah dan pelindung daripada bencana. Pemiliknya tidak boleh menggunakan senjata ini untuk tujuan membunuh. Pemilihan keris juga mempunyai cara tertentu, iaitu dengan mengira pangkal keris hingga ke hujung keris dengan pengiraan satu hingga sepuluh menggunakan ibu jari. Jika pengiraan pangkal keris hingga hujung keris lapan dan lima maka itu adalah petanda tidak baik. Lapan bermaksud *makan ke tuan* manakala lima bermaksud miskin.

Pada zaman pemerintahan British dan pemerintahan Jepun terdapat seorang puyang yang bernama pawang Nong. Pawang Nong adalah pawang yang sangat terkenal dan namanya diingati sehingga kini kerana ilmu dan kehebatan beliau. Sepanjang pemerintahan kuasa luar ke Malaysia, Hulu Ceka, iaitu tempat tinggal pawang Nong tidak pernah dimasuki oleh mereka. Hal ini disebabkan kuasa dan ilmu yang ada pada pawang Nong menyebabkan pihak penjajah tidak dapat memasuki kawasan beliau.

Tok Panglima Hitam Putih juga terkenal dengan kekebalannya. Walaupun direndam dan dibakar dia masih lagi hidup seperti biasa. Tok Panglima Hitam Putih ialah moyang kepada Puyang Dung, iaitu bomoh masyarakat Jahut hari ini. Sungai kecil berdekatan Pian, iaitu sungai Periuk dipercayai tempat bercukur Datuk Bahaman dan Mat Kilau suatu masa dahulu.

Selain orang tua, puyang juga berfungsi sebagai *cekmol*, iaitu tukang cerita. Tukang cerita biasanya cerdik, bijak, mengetahui mempunyai ilmu yang banyak tentang sejarah, asal usul, cerita dongeng dan mitos kaumnya. Kehilangan *cekmol* akan menyebabkan sesuatu kaum itu kehilangan tradisi dan adat mereka.

Puyang mewariskan ilmu kepada anak lelaki dan kepada sesiapa yang berkeinginan untuk belajar dengan mengenakan pengeras tertentu. Ilmu yang diajar kebiasaannya tidak diajar seratus peratus. Oleh sebab itu, puyang generasi sekarang tidak dapat menandingi ilmu puyang pada generasi sebelumnya.

Ubat dan Herba Tradisional

Generasi terdahulu masyarakat Jahut mencari ubat di dalam hutan. Setiap daun dan pokok dapat mengubati pelbagai jenis penyakit. Antara tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan ubat ialah daun pelongkah, daun pengiring, akar jetai, tongkat ali, kacip fatimah dan daun misai kucing.

Daun pelongkah dan pengiring dapat mengubati batuk. Akar jetai yang dipanggil mingkok dalam bahasa Jahut pula dapat menyembuhkan luka. Akar ini bergetah seperti susu. Tongkat ali pula digunakan untuk mengubati cirit birit. Menurut bomoh Dung tongkat ali yang tidak dicampur dengan ramuan lain akan menjadi racun. Untuk menjadi ubat tongkat ali harus dicampur dengan apa-apa ramuan seperti teh atau kopi. Kacip fatimah pula berfungsi untuk mengecutkan rahim wanita yang baru bersalin. Misai kucing berfungsi untuk menyembuhkan sakit sendi dan badan.

MASAKAN DAN MAKANAN TRADISI

Masakan tradisi orang Jahut ialah ikan, ubi, keledak, labu dan sayur-sayuran seperti bayam, pucuk paku serta pucuk ubi. Kebiasaannya ikan dimasak dibalut dengan daun gesang atau daun pisang. Kemudian barulah dibakar atas api. Ikan yang dibalut dalam daun dan dibakar ini dipanggil *cak`am*. Ubi, keledak, labu pula dibakar atau direbus. Menurut Santi Binti Harun kini, masakan orang Jahut kebanyakan sama dengan masakan Melayu seperti sambal ayam, gulai bersantan yang dimakan dengan nasi. Orang Jahut juga mempunyai pantang larang dari segi makanan. Mereka percaya ada makanan yang tidak boleh dimakan serentak. Contohnya, terung tidak boleh dimasak dengan telur ayam.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mengupas isu khususnya berkaitan kebudayaan masyarakat Orang Asli Jahut yang unik yang mana semakin kurang diketahui, dipelajari dan diamalkan oleh generasi mereka sendiri. Kajian ini juga membolehkan hasil penyelidikan dapat digunakan sebagai rujukan bagi pengkaji lain yang ingin membuat kajian berkaitan suku kaum Jahut yang tinggal di Kuala Krau, Kedah. Selain itu, kajian ini juga penting untuk pendokumentasian kerana boleh menjadi rujukan masyarakat dan juga para penyelidik yang berminat untuk mengkaji tentang komuniti orang Asli dan kebudayaan mereka. Selain kajian ini juga berpotensi mengembangkan dan memantapkan lagi bidang ilmu kebudayaan orang Asli. Hal ini kerana, budaya orang Asli umumnya, dilihat semakin hilang dan terhakis akibat arus pemodenan dan globalisasi yang berlaku pada masa kini.

RUJUKAN

- Abdul Talib Bon. (2003). *Kenali Kami Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat: Kolej Universiti Tun Hussein Onn
- Alias, A. (2012). Pada Suatu Masa Di Pos Gob, Ulu Kelantan, Gua Musang: Nilai Kehidupan Tradisi Masyarakat Orang Asli Temiar. *Regional Conference on 188 Values and Humanities (RECOVH) 2012*. Kota Bharu : Universiti Malaysia Kelantan. Tidak diterbitkan.
- Alina Othman. (1991). *Penggunaan Sumber Tumbuhan dalam Kehidupan Masyarakat Jah Het di Lembah Krau, Temerloh, Pahang*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baktiar bin Kasbi. (1984). *Tradisi Sosial Masyarakat Jah Het Di Kuala Krau, Pahang: Satu Kajian Etnografis*. Tesis Sarjana Muda. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Carey. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Collin ,Nicholas (2000). *The Orang Asli and the Contest for Resources.. Indigenous politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs.
- Couillard. (1980). *Tradition in Tension: Carving in Jah Hut Community*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design, Chosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Hunt A.W. (1952). *An Introduction to the Malayan Aborigines*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Ivor, H. N. Evans. (1968). *The Negritos of Malaya*. Frank Cass & Co Ltd.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2002). *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli*. Kuala Lumpur. Penerbitan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli*. Kuala Lumpur. Penerbitan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Warisan Negara. (2008). *50 Warisan Kebangsaan*. Jabatan Warisan Negara. Kuala Lumpur.
- Jasman Ahmad. (1997). *Masyarakat Orang Asli* (Siri Kebudayaan Masyarakat Malaysia). Melaka: Associated Education Distributor (M) Sdn. Bhd.
- Jimin Idris. (1972). *A Brief Note of the Orang Asli of Peninsular Malaysia and their Administration*. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Jimin Idris dan Ramlee Abdullah. (1993). *Semaq Beri Komuniti Orang Asli di Terengganu*. Kuala Terengganu: Pencetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Juli Edo. (1998). *Claiming Our Ancestor's Land- An Ethnohistorical Study of Sen- Oi Land Rights in Perak Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Australian National University.

- Hassan Mat Nor. (2000). Pendidikan dan Masa Depan Orang Asli. Rahimah Abdul Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail (Eds.). *Masyarakat, Budaya Dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Linehan. (1973). *History of Pahang*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch off The Royal Asiatic Society
- Mat Jidin Ahmad. (1994). *Sastera Rakyat dalam Masyarakat Orang Asli*. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2006). “Kelestarian Akar Melayu Glokal: Tinjauan Terhadap Bahasa Minoriti Orang Melayu Proto”, dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006: 2-23, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah. (2003). *Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (Eds.). Bentong, Pahang: Ts Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Noraikha Binti Haji Mohd Isa. (1986). *Proses Pertanian Malaysia Masyarakat Jah Het: Kajian Kes Di Kg Sungai Kiul, Jerantut, Pahang*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosley, N.A. (2009). *Kajian Impak Pembangunan terhadap Komuniti Orang Seletar: Kajian Kes di Kampung Simpang Arang, Johor Bahru* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd
- Sal Farina Kamaludin. (2003). *Tradisi Lisan Berbentuk Cerita Suku Kaum Jahut di Kampung Panderas, Temerloh, Pahang*. Latihan Ilmiah Akademik Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Scensul. (1999). *Essential. Ethnographic Methods: Ethnographer's Toolkit*. New York: Altamira Press
- Skeat, W.W. Blagden, C.O. (1906). *Pagan Races of the Malay Peninsula*. Vol. i & ii. London: Macmillan and Co.
- Yatim. O. (2005). *Pembudayaan Muzium, Pelestarian, Warisan dan Pembinaan Bangsa*. November 18, 2005. Universiti Malaysia.

Tarikh Peroleh (*received*): 4 April 2019

Tarikh Terima (*accepted*): 24 September 2019